

185

Buku Untuk Hadiah Syawal

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Ogos 2011 17:51


Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

25 OGOS 2011/ 25 RAMADAN 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nasiha Abdul Rashid
Gambar oleh: Zamarizul Salleh

BUKU UNTUK HADIAH SYAWAL



UUM ONLINE: Dekan Akademik, Ketua Jabatan, Pentadbir dan Pengarah menerima hadiah khas sempena Hari Raya Aidilfitri apabila mereka diberikan dua buah buku untuk bacaan sepanjang bercuti untuk meraikan Syawal pada kali ini.

Dua buku berkenaan ialah *The 360° Leader* yang ditulis oleh John C Maxwell dan *Our Iceberg Is Melting* yang ditulis oleh John Kotter.

Majlis penyampaian buku dilakukan secara simbolik apabila Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak menyerahkan buku itu kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim mewakili Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti; Pendaftar, Mohamad Akhir Yusuf mewakili pentadbir; Prof Dr Norshuhada Shiratuddin mewakili akademik dan Pengarah CIAC, Profesor Madya Dr Razli Che Razak mewakili pengarah.